

MAHATHIR-RESOLUSI

(1)

1984

IPOH, 30 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARX  
INI MENYERU RAKYAT MALAYSIA SUPAYABERDOA DAN BERAZAMUNTUK TIDAK  
MENJADIKAN ISU-ISU YANG DIHADAPI OLEH KERAJAAN SEBAGAI KRISIS  
+SENSASIONAL+.

PERDANAMENTERI BERKATA BAHAWA ADA DI ANTARA RAKYAT YANGTIDAK  
MENGHARGAI KESENANGANHIDUPYANGDINIHMATI DI NEGARA INITETAPI  
SEBALIKNYA MEMILIK UNTUK MERENDAH-RENDahkan NEGARA MEREKA SENDIRI.

+ SAYA BERHARAP DALAM TAHUN 1985 RAKYAT MALAYSIA AKAN BERAZAM  
UNTUK TIDAK MELIHAT PERKARA-PERKARA YANG SENSASIDNAL YANG BOLEH  
DISIFATKAN SEBAGAI KRISIS, + KATANYA KEPADA PADA PEMBERITA KETIKA  
DALAM PERJALANAN DARI BUTTERWORTH KE KUALA LUMPURDENGANKERETAAPI  
SINARAN PETANG.

BELIAU KESAL BAHAWA LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN  
TIDAK DIHARGAI OLEH SESETENGAHPHAKKERANA BEBERAPA SEBAB TERTENTU  
WALAUPUN KERAJAAN MENGADAKAN PELBAGAI PROGRAM DAN BANTUAN UNTUK  
FAEDAH RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA DXSIFATKAN OLEH  
NEGARA-NEGARA LAIN SEBAGAI SEBUAH NEGARA CONTOHKERANA PERPADUAN  
KAUM, KESTABILAN POLITIK DAN AMALAN DEMOKRASI.

+ SAYATELAH MENJELAJAH KE MERATA CERUK DUNIA DAN SAYAYAKIN  
RAKYAT MALAYSIA AMAT BERTUAH KERANA KERAJAAN MENGADAKANBANYAK  
SUMBANGAN BERBANDINGDENGAN LAIN-LAIN NEGARA YANG TIDAK MENGADAKAN  
BANYAK PEMBANGUNAN KEPADAREAKYATMEREKA, + TAMBAHNYADENGAN KESAL  
KERANAUSAHA-USAHA KERAJAAN TIDAK BEGITU DIHARGAI.

SEMENTARAITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN  
PADUKA D R. SITI HASMAH DIBERI SAMBUTAN MESRA OLEH KAKITANGAN  
KERETAPI TANAH MELAYU DAN ORANG RAMAI SETIBANYA MEREKA DENGAN EKSPRESI  
SINARANDARI BUTTERWORTH DI STESEN KERETAPI DI SINIPETANGINI. --  
BERNAMA

1916MST30 12 84